

**3767/1**  
**EKONOMI**  
**07 NOV 2023**  
**2023**  
**1 1/4 JAM**

**NAMA : .....**  
**TINGKATAN : .....**

**MODUL PENINGKATAN PRESTASI TINGKATAN 5**  
**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH**

**TAHUN 2023**

**EKONOMI / 3767/1**  
**Kertas 1**

**1 1/4 JAM**

**Satu jam tiga lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Modul ini mengandungi 40 soalan objektif .
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan objektif diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.

---

**Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak termasuk muka hadapan**

- 1 Pernyataan di bawah menunjukkan satu masalah ekonomi.

Pendapatan yang diperoleh tidak mampu memaksimumkan kepuasan.

Unit ekonomi manakah yang mungkin menghadapi masalah tersebut?

- A Syarikat CitYess Sdn Bhd
- B Jabatan Pengangkutan Jalan
- C Cik Amani Safiah
- D Pemilik Anggun Enterprise

- 2 Maklumat tersebut berkaitan dengan faktor pengeluaran.


X	Y
Mempunyai mobiliti pekerjaan	Mempunyai mobiliti kegunaan

Apakah ganjaran yang diperoleh oleh faktor pengeluaran tersebut?

	X	Y
A	Buruh	Tanah
B	Upah	Sewa
C	Tanah	Buruh
D	Sewa	Upah

- 3 Rajah 1 menunjukkan satu keluk kemungkinan pengeluaran dua jenis barang.

Barang mainan



Titik yang manakah menunjukkan kombinasi pengeluaran yang cekap?

A E

B F

C G

D H

- 4 Intan ingin membeli sepasang kasut baharu. Harga kasut untuk jenama Badang ialah RM119.90 manakala jenama Sempoi berharga RM89.90.  
Apakah kos lepasnya jika dia mempunyai wang RM100?
- A Kos lepas ialah kasut Sempoi  
B Kos lepas ialah kasut Badang  
C Kos lepas ialah kasut Badang dan Sempoi  
D Tiada kos lepas
- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan penyelesaian masalah asas ekonomi.

Kenaikan kos upah di sektor perindustrian telah menyebabkan firma bertukar kepada penggunaan mesin bagi memenuhi permintaan pasaran.


- Pernyataan tersebut merujuk kepada
- |                   |                                    |
|-------------------|------------------------------------|
| A jenis output    | C teknik pengeluaran               |
| B kuantiti barang | D corak agihan pendapatan pengguna |
- 6 Pernyataan yang manakah **betul** tentang keluk permintaan individu?
- A Kecerunan lebih curam daripada keluk permintaan pasaran  
B Menunjukkan keluk yang mencerun ke bawah dari kanan ke kiri  
C Penurunan harga barang itu menyebabkan keluk beralih ke kanan  
D Hubungan antara harga dan kuantiti diminta adalah positif
- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan tiga jenis barang dalam pasaran.

Harga barang A	Kuantiti diminta barang B	Kuantiti diminta barang C
Turun	Naik	Turun

Apakah contoh barang yang berkaitan dengan situasi tersebut?

	Barang A	Barang B	Barang C
A	Komputer riba	Telefon pintar	Televisyen
B	Kereta tempatan	Petrol	Kereta import
C	Roti	Marjerin	Sardin
D	Baju kurung	Baju kebaya	Baju sejuk

- 8 Rajah 2 menunjukkan perubahan kuantiti permintaan suatu barang.



**Rajah 2**

Pilih pernyataan yang betul tentang rajah tersebut.

- A Pergerakan dari titik A ke titik B disebabkan oleh kerajaan menurunkan kadar pelepasan cukai pendapatan
- B Pergerakan dari titik D ke titik C disebabkan oleh citarasa pengguna meningkat terhadap barang tersebut
- C Pergerakan dari titik A ke titik C disebabkan oleh penurunan harga barang itu sendiri
- D Pergerakan dari titik D ke titik B disebabkan oleh peningkatan pendapatan boleh guna

- 9 Pasangan yang manakah **betul**?

	<b>Perubahan dalam kuantiti ditawar</b>	<b>Perubahan penawaran</b>
A	Penentu ialah faktor harga barang lain	Penentu ialah faktor harga barang itu sendiri
B	Melibatkan dua keluk penawaran	Melibatkan satu keluk penawaran sahaja
C	Apabila harga tetap, kuantiti ditawar berubah	Apabila harga berubah, kuantiti ditawar berubah
D	Berlaku pergerakan titik di sepanjang keluk penawaran	Berlaku peralihan keluk penawaran ke kanan atau ke kiri

- 10 Pernyataan yang manakah **betul** tentang penguncupan penawaran?

- A Harga barang tersebut menurun
- B Penghapusan subsidi pengeluaran
- C Peningkatan dalam kos bahan mentah
- D Harga dijangka menurun pada masa hadapan


11 Maklumat berikut berkaitan satu situasi yang berlaku di dalam pasaran.

Kerajaan bersetuju menambah peruntukan sebanyak 2.1 bilion ringgit bagi menambah kadar program Sumbangan Tunai Rahmah (STR).

Apakah kesan terhadap keseimbangan pasaran akibat peristiwa di atas?

- I Harga keseimbangan cenderung untuk menurun
  - II Harga keseimbangan cenderung untuk meningkat
  - III Keluk permintaan beralih ke kanan
  - IV Berlaku pertambahan penawaran
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 12 Penawaran sesuatu barang menjadi tidak anjal apabila
- I penambahan kuantiti memerlukan kos yang sangat besar
  - II dalam jangka masa panjang faktor pengeluaran mudah diubah
  - III bilangan firma yang banyak dalam pasaran
  - IV stok barang dalam simpanan sedikit
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 13 Pengeluar perlu meningkatkan harga barang untuk memaksimumkan jumlah hasil jika barang tersebut
- A Tidak mempunyai banyak barang pengganti
  - B Darjah ketagihan barang adalah rendah
  - C Nisbah pendapatan yang dibelanjakan adalah besar
  - D Jenis barang yang dikeluarkan adalah barang mewah

- 14 Rajah 3 menunjukkan keluk permintaan tidak anjal bagi suatu barang.



Apakah kesan ke atas kuantiti diminta apabila berlaku perubahan harga?

- A Pengurangan kuantiti sebanyak 30%
  - B Peningkatan kuantiti sebanyak 20%
  - C Peningkatan kuantiti sebanyak 30%
  - D Pengurangan kuantiti sebanyak 20%
- 15 Encik Mahmud membeli tiket berharga RM80 bagi menonton perlawanan bola sepak di Stadium Darul Aman. Apakah fungsi wang dalam situasi tersebut?
- A Alat ukuran nilai
  - B Alat simpanan nilai
  - C Alat bayaran tertunda
  - D Alat perantaraan pertukaran
- 16 Maklumat di bawah berkaitan dengan satu perkhidmatan Bank Perdagangan.

Cik Zurita membuka akaun semasa di sebuah bank. Dia membeli polisi insurans nyawa dengan bayaran sebanyak RM100 sebulan. Dia mengarahkan pihak bank membuat bayaran tersebut bagi pihak dirinya pada setiap 5 hari bulan.

Apakah perkhidmatan bank tersebut?

- A Pindahan kredit
- B Perintah sedia ada
- C Draf bank
- D Overdraft

- 17 Antara yang berikut yang manakah faedah sampingan dalam faktor pemilihan pekerjaan?
- I Rawatan perubatan
  - II Suasana tempat kerja
  - III Prospek pekerjaan
  - IV Bonus tahunan
- |              |              |
|--------------|--------------|
| A I dan II   | C III dan IV |
| B II dan III | D I dan IV   |
- 18 Maklumat berikut berkaitan dengan satu potongan wajib.

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) memaklumkan bahawa kadar caruman berkanun syer pekerja akan dikurangkan daripada 11 peratus kepada sembilan 9 peratus bagi tahun 2021.

Sumber: [www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my)/28 Nov 2020

- Apakah kesan terhadap pendapatan masa hadapan pekerja?
- A Perbelanjaan bertambah
  - B Kadar dividen menurun
  - C Simpanan berkurang
  - D Kuasa beli meningkat
- 19 Antara berikut, yang manakah betul berkaitan kelebihan kaedah pembayaran secara kredit?
- I Pengguna dapat menikmati harga barang lebih murah
  - II Perlu berdisiplin semasa hendak membeli
  - III Meningkatkan taraf hidup pengguna
  - IV Meringankan beban kewangan
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV
- 20 Maklumat berikut berkaitan dengan upah wang dan harga tiga barang di pasaran.

<b>Upah Wang (RM)</b>	<b>Harga Barang P (RM)</b>	<b>Harga Barang Q (RM)</b>	<b>Harga Barang R (RM)</b>
2 000	8.00	10.00	12.00

- Apakah yang akan terjadi jika harga purata barang berubah kepada RM15.00?
- A Kuasa beli menurun
  - B Pendapatan berkurang
  - C Upah benar meningkat
  - D Taraf hidup bertambah

- 21 Jadual 1 menunjukkan hubungan antara input dengan jumlah keluaran suatu barang.

<b>Input Tetap(unit)</b>	<b>Input Berubah(unit)</b>	<b>Jumlah Keluaran(unit)</b>
2	2	12
2	4	48
2	6	92
2	9	140

**Jadual 1**

Penyataan manakah betul tentang jadual tersebut?

- A Keluaran marginal semakin meningkat
  - B Firma beroperasi dalam jangka panjang
  - C Keluaran marginal menurun selepas input berubah yang ke -6
  - D Keluaran marginal adalah sebanyak 24 unit pada input berubah ke- 9
- 22 Maklumat berikut berkaitan dengan kos pengeluaran Firma Master yang mengeluarkan kasut jenama HEBAT.

Jumlah keluaran	- 100 unit
Kos tetap	- RM 4,000.00
Kos purata	- RM240.00

Berapakah kos berubah purata ?

- |            |             |
|------------|-------------|
| A RM 75.20 | C RM 80.00  |
| B RM 84.80 | D RM 160.00 |
- 23 Maklumat berikut menunjukkan jumlah keluaran dan kos pengeluaran bagi Firma Teknik Bhd.

Jumlah Keluaran (unit)	40	43
Jumlah Kos (RM)	8000	8400

Berapakah kos sut pada keluaran ke-43?

- |            |            |
|------------|------------|
| A RM133.33 | C RM195.34 |
| B RM186.04 | D RM200.00 |
- 24 Antara yang berikut, yang manakah dapat dilakukan oleh sebuah firma pembuatan perabut kayu dalam jangka masa pendek?
- I Menambah saiz kilang
  - II Menambah masa berkerja pekerja
  - III Menambah jumlah stok kayu getah
  - IV Menambah mesin pemotongan kayu
- |            |              |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

- 25 Maklumat berikut menunjukkan kos pengeluaran pewangi kereta bagi tempoh seminggu oleh Firma Serba Pewangi Bhd.

Output	4 000 unit
Harga jualan seunit	RM30
Kos purata	RM20

Berapakah untung yang diterima oleh syarikat tersebut?

- A RM 40 000
  - B RM 80 000
  - C RM 120 000
  - D RM 200 000
- 26 Apakah kesan perlaksanaan dasar kewangan mengembang oleh Bank Negara terhadap ekonomi?
- A Mengawal kenaikan harga barang
  - B Mengurangkan kuasa beli pengguna
  - C Menjejaskan aktiviti pengeluaran barang
  - D Mengurangkan kadar pengangguran dalam ekonomi
- 27 Ciri yang manakah menerangkan tentang monopoli semula jadi kerajaan?
- A Mempunyai barang pengganti
  - B Firma lain bebas keluar masuk industri
  - C Mendapat perlindungan undang-undang
  - D Harga barang ditentukan oleh mekanisme pasaran
- 28 Apakah kesan berlakunya pertumbuhan ekonomi?
- A Kadar inflasi yang tinggi
  - B Kurangnya minat masyarakat untuk bermiaga
  - C Peningkatan pendapatan pengguna
  - D Perbelanjaan kerajaan untuk infrastruktur boleh dikurangkan

- 29 Jadual 2 menunjukkan sebahagian daripada hasil cukai kerajaan bagi tempoh satu tahun.

Jenis Cukai	Jumlah (RM juta)
Cukai pendapatan syarikat	33 325
Cukai petroleum	24511
Duti eksais	10369
Cukai jualan	7580
Duti eksport	2977

### Jadual 2

Berapakah jumlah hasil cukai tak langsung kerajaan pada tahun tersebut?

- |            |            |
|------------|------------|
| A RM13 346 | C RM57 836 |
| B RM20 926 | D RM65 416 |
- 30 Antara berikut, yang manakah merupakan tujuan kerajaan mengenakan sekatan terhadap barang import?
- |   |   |
|---|---|
| I Meningkatkan pendapatan negara        | IV Menggalakkan penawaran barang import |
| II Memperbaikiimbangan pembayaran       |   |
| III Mengurangkan eksport ke luar negara |   |
| A I dan II                              | C II dan III                            |
| B I dan IV                              | D III dan IV                            |
- 31 Antara berikut, yang manakah merupakan kelebihan blok ekonomi?
- |                                    |  |
|------------------------------------|--|
| I Membentuk kuasa monopoli         | IV Berlaku corak penjajahan ekonomi Baharu |
| II Berkongsi sumber bahan mentah   |  |
| III Menawarkan lebih banyak barang |  |
| A I dan II                         | C II dan III                               |
| B I dan IV                         | D III dan IV                               |
- 32 Pasangan manakah yang **betul** tentang komposisi eksport dan import negara?

	Keterangan	Jenis Komposisi
A	Persatuan Badminton Malaysia menghantar skuad negara menyertai Kejohanan China Masters di Beijing	Import nampak
B	Universiti di Eropah Timur menempah alatan makmal perubatan keluaran Geliga Medic (M) Sdn Bhd	Eksport tak nampak
C	Emiriah Arab Bersatu (UAE) menambah kemasukan buah-buahan segar tropika keluaran FAMA	Eksport Nampak
D	Petronas Carigali meningkat pelaburan hiliran dalam sektor petroleum dan gas di Algeria	Import tak nampak

- 33 Apakah yang menyebabkanimbangan dagangan cenderung defisit?
- Barang eksport ke luar negara
  - Barang import dari luar negara
  - Kiriman wang pekerja ke negara asalnya
  - Kemasukan pelancong asing ke dalam negara
- 34 Pernyataan manakah yang betul berkaitan kadar pertukaran asing?
- Pertukaran asing merujuk kepada mata wang asing yang diniagakan oleh sesebuah negara
  - Kadar pertukaran asing ialah harga mata wang sesebuah negara yang dinyatakan dalam nilai mata wang asing
  - Harga jualan merujuk kepada harga bank atau money trader yang membeli mata wang asing untuk mendapatkan mata wang tempatan sesebuah negara
  - Harga belian merujuk kepada harga bank atau money trader yang menjual mata wang asing dengan menukarkan mata wang tempatan sesebuah negara
- 35 Jadual di bawah menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dolar Amerika (USD).

Mata Wang	Harga Belian (RM)	Harga Jualan (RM)
1 USD	4.08	4.16

Berapakah yang perlu dibayar dalam nilai USD oleh seorang pelancong Amerika Syarikat yang ingin membeli beg sukan yang berharga RM 480 di pasar raya di Kedah?

- USD 115.38
- USD 117.65
- USD 1 958.40
- USD 1 996.80

**Soalan 36 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.**

Pilihan	Pernyataan 1	Pernyataan 11
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 36 I Firma merupakan sebuah organisasi yang membekalkan faktor pengeluaran untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan.  
II Firma akan memilih output yang mendatangkan keuntungan maksimum akibat kekurangan wang.
- 37 I Keanjalan harga permintaan anjal apabila pekali keanjalan kurang daripada satu.  
II Barang yang mempunyai banyak barang pengganti permintaannya adalah anjal.

- 38 I Pendapatan boleh cukai diperoleh setelah pendapatan tahunan ditolak semua pelepasan cukai yang layak diterima oleh individu berkenaan.  
II Pelepasan cukai yang tinggi akan mengurangkan pendapatan tahunan seseorang individu.
- 39 I Output ialah barang atau perkhidmatan yang dihasilkan dalam proses pengeluaran  
II Output terdiri daripada barang perantaraan atau barang akhir.
- 40 I Bank pusat menaikkan kadar faedah apabila ekonomi mencapai guna tenaga penuh  
II Bank perdagangan perlu menyimpan sejumlah wang di dalam bank pusat dalam bentuk rizab berkanun

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**